

18 AUG 2002

Bunyamin-Anak

KEHILANGAN" BAPA PERKARA BIASA, KATA ANAK PEREMPUAN BUNYAMIN

BACHOK, 18 Ogos (Bernama) -- Seorang anak perempuan kepada penceramah PAS, Bunyamin Yaakob yang dikehendaki polis bagi melengkapkan siasatan berhubung kenyataannya yang berunsur fitnah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan "kehilangan" bapanya sebagai perkara biasa.

Anaknya yang dikenali sebagai Erma Suriani, 30, berkata ayahnya itu pernah tidak pulang ke rumah berbulan-bulan lamanya berbanding sejak isu kehilangannya dilaporkan iaitu kira-kira dua minggu lepas.

"Biasalah kalau ayah tak balik (rumah). Kadang-kadang sebulan lamanya dan kami pun dah biasa dengan keadaan itu," katanya ketika ditemui pemberita di rumah isteri pertama Bunyamin di Kampung Keting di sini, hari ini.

Bunyamin, 56, dikehendaki polis bagi diambil keterangan berhubung dakwaannya ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di Pengkalan Chepa pada 15 Mac lepas bahawa Dr Mahathir telah menonton video lucu bersama cucunya.

Petikan ceramahnya itu telah disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini dan susulan daripada itu tiga aduan polis telah dibuat di Kuala Terengganu, Terengganu, Pasir Mas (Kelantan) dan Baling, Kedah.

Rabu lepas, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani berkata polis masih gagal mendapatkan keterangan Bunyamin yang juga bekas anggota Parlimen Bachok berhubung kenyataannya itu.

Erma Suriani ketika ditanya adakah mengetahui di mana ayahnya itu berada, berkata beliau tidak tahu di mana bapanya berada ketika ini walaupun beberapa pemimpin PAS di negeri ini mendakwa penceramah itu masih berada di Kelantan.

"Kami sendiri pun tidak tahu ayah di mana dan ayah pun tidak hubungi kami di mana beliau berada," katanya.

Bagaimanapun anaknya itu yang baru sahaja tamat pengajian di sebuah universiti di Indonesia merasa sedikit tertekan apabila dihubungi dan didatangi oleh beberapa individu yang bertanyakan mengenai bapanya.

Katanya anggota polis sudah beberapa kali datang ke rumah mereka untuk mengetahui sama ada bapanya ada di rumah.

"Memang agak serabut juga bila isu ini keluar tetapi kami anak beranak anggap ia sebagai perkara biasa sahaja dan cabaran yang perlu kami hadapi," katanya.

Beliau juga tidak mengetahui khabar angin yang mengatakan ayahnya akan memberi kenyataan kepada polis, esok dan agak terkejut apabila media memberitahu perkara berkenaan.

"Tak tahu...memang kami tak tahu sama ada ayah akan bagi keterangan seperti yang dicakapkan dan ingin kami jelaskan lagi bahawa kami anak beranak pun sukar nak jumpa dia inikan pula nak tahu kisah dia," katanya.

Erma juga khuatir tentang kesihatan ibu mereka yang kini dilaporkan sakit dan bimbang ibunya itu akan mengetahui perkara itu.

"Kami khuatir sangat tentang kesihatan ibu dan minta biarlah ibu jangan tahu tentang perkara ini dan biarlah kami yang menyelesaikannya," katanya yang meminta supaya pihak media tidak bertemu ibunya yang uzur itu untuk mendapatkan sebarang reaksi.

Pemberita sebelum itu cuba mengesan Bunyamin di rumah isteri keduanya di Bukit Marak dekat sini tetapi rumah berkenaan tiada berpenghuni.

-- BERNAMA

ZI BD RHM